

WKB2030 tidak ketepi Melayu

Oleh **BADRUL ISA. AFIQ MOHD. SHAH** dan **IZZAT NASURUDEN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 5 OKT.**

WAWASAN Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini merupakan hala tuju baharu ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021 hingga 2030.

WKB2030 akan menjadi iltizam kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, politik, wilayah dan rantaian bekalan.

Namun begitu, Dr. Mahathir memberi komitmen, orang Melayu dan bumiputera termasuk etnik di Sabah dan Sarawak tidak sesekali diketepikan memandang golongan itu

masih antara kumpulan termiskin di negara ini yang akan menjadi keutamaan WKB2030.

“Ada yang menyebarkan khabar palsu bahawa kerajaan Pakatan Harapan (PH) hari ini mahupun Wawasan Kemakmuran Bersama ini telah mengetepikan hak dan masa depan bumiputera dengan menyamaratakan semua peluang dan meliberalisasikan semua sektor. Kita sangat memahami masyarakat bumiputera masih ketinggalan dalam banyak perkara.

“Kemakmuran Bersama bermaksud masyarakat bumiputera tidak ditinggalkan dan perlu dibangunkan supaya lebih kompetitif serta boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan etnik yang lain. Pada waktu yang sama seperti yang saya selalu tekankan, bumiputera tidak harus hanya menunggu bantuan dan sokongan kerajaan, apabila kita faham kita ketinggalan, kita harus sedar untuk lari dengan lebih laju untuk mengejar mereka yang di hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap melancarkan WKB2030 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi Institut Masa Depan Malaysia (Masa), Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan timbalannya, Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin.

Sementara itu, jelas Perdana Menteri, WKB2030 menekankan kepada prinsip kesaksamaan keberhasilan yang bukan bermaksud kesaksamaan peluang semata-mata.

“Kita kali ini berbeza sedikit, kita nak tumpukan akhir hasilnya ialah agihan yang saksama dan bukan pemberian peluang yang saksama. Untuk itu kita akan pilih-pilih mereka yang akan dapat peluang iaitu mereka yang mampu dan ingin berusaha untuk memperbaiki diri,” katanya dalam sidang akhbar selepas itu.